

**PENAWARAN PROGRAM DIPLOMA PERGURUAN MALAYSIA (PDPM)
BIDANG PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (PAKK)
DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU
BAGI GURU TADIKA SWASTA DALAM PERKHIDMATAN
TAHUN 2021**

A. MAKLUMAT PROGRAM

Program ini dikhususkan untuk melatih guru tadika swasta dalam perkhidmatan, bagi mendapatkan kelayakan akademik minimum diploma dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) bagi semua guru prasekolah di Malaysia. Program pengajian yang ditawarkan bertujuan untuk memberi pengetahuan ikhtisas dan menyediakan pengalaman bagi membolehkan guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan. Program ini ditawarkan di kampus terpilih Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara.

Matlamat program ini adalah untuk melahirkan guru Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang terlatih, dinamik, berwibawa dan kompeten dalam melaksanakan tugas mereka sebagai pendidik. Guru-guru yang telah menamatkan pengajian akan ditempatkan semula di tadika masing-masing.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menggandakan usaha melalui pelbagai inisiatif dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara, khususnya pendidikan prasekolah. Oleh itu, cadangan pelaksanaan Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM) bidang PAKK bagi guru tadika swasta amat penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah di Malaysia. Program ini akan dapat membangunkan potensi guru secara individu dan meningkatkan kualiti guru prasekolah secara amnya.

B. SYARAT PERMOHONAN

i) SYARAT UMUM

Telah dilantik dan sedang berkhidmat di tadika swasta yang berdaftar dengan KPM.

ii) SYARAT AKADEMIK

- a) Memiliki kelulusan SPM/ SPM(V)/ SPVM/ SMA/ SMU dengan tiga kepujian dalam satu sijil atau gabungan dua sijil dalam tempoh tiga tahun berturut-turut serta memiliki kepujian Bahasa Melayu dan lulus ujian lisan dan lulus Bahasa Inggeris;

atau

- b) Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mana-mana mata pelajaran atau yang setaraf dengannya serta memiliki kepujian Bahasa Melayu dan lulus ujian lisan dan lulus Bahasa Inggeris pada peringkat SPM;

atau

- c) Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya gred Maqbul serta memiliki kepujian Bahasa Melayu dan lulus ujian lisan dan lulus Bahasa Inggeris pada peringkat SPM;

atau

- d) Lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam Pengasuhan Awal Kanak-kanak/ Prasekolah serta memiliki kepujian Bahasa Melayu dan lulus ujian lisan dan lulus Bahasa Inggeris pada peringkat SPM;

atau

Bagi pemohon yang tidak memenuhi syarat di a, b, c atau d


- e) Lulus ujian penilaian *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) yang dikendalikan oleh Malaysian Qualifications (MQA) serta memiliki kepujian Bahasa Melayu dan lulus ujian lisan dan lulus Bahasa Inggeris pada peringkat SPM.

C. TEMPOH PERMOHONAN

Permohonan bermula dari **23 Februari 2021 sehingga 15 Mac 2021**.

D. LOKASI IPG KAMPUS

- a) 9 kampus IPG yang menawarkan program PDPM PAKK guru tadika swasta:
- i. IPG Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang
 - ii. IPG Kampus Bahasa Melayu, WP Kuala Lumpur
 - iii. IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan
 - iv. IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor
 - v. IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, Pahang
 - vi. IPG Kampus Batu Lintang, Sarawak
 - vii. IPG Kampus Tun Abdul Razak, Sarawak
 - viii. IPG Kampus Gaya, Sabah
 - ix. IPG Kampus Tawau, Sabah



E. MOD PROGRAM


Mod program sepenuh masa dan dilaksanakan secara kursus dalam cuti (KDC).

F. YURAN PENGAJIAN

Kos pengajian bagi setiap peserta adalah RM8,060.00 sepanjang tempoh pengajian. Kos pengajian ditanggung sepenuhnya oleh peserta atau pengusaha.



G. PENGINAPAN – PELAJAR TIDAK DISEDIAKAN PENGINAPAN SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN



H. BORANG PERMOHONAN

Mohon untuk klik *link* atau *scan QR Code* borang permohonan yang telah disediakan di bawah:

<http://bit.ly/BorangPDPMPAKKGuruTadikaSwasta>



**Scan
QR Code**